


Jilid I  
Bil. 23



Hari Selasa  
6hb Januari, 1976

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2249]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan)**  
[Ruangan 2275]

**Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian)** [Ruangan 2297]

# PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL PERTAMA

---

Hari Selasa, 6hb Januari, 1976

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, P.J.K., A.M.N. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

Yang Berhormat DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.T., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

RUKUN TETANGGA

**1. Tuan A. Arunasalam** minta Perdana Menteri menyatakan :

(a) jumlah bilangan kawasan-kawasan di negara ini di mana rancangan Rukun Tetangga :

- (i) telah dilancarkan sekarang; dan
- (ii) akan dilancarkan tahun ini; dan

(b) apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk memberikan lebih banyak maklumat mengenai rancangan Rukun Tetangga supaya sokongan yang sepenuhnya boleh didapati dari segenap lapisan rakyat.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) (i) Sehingga akhir bulan Disember yang lalu seramai 800,000 penduduk di 58 Sektor Rukun Tetangga yang ditubuhkan dengan rasminya, dan telahpun mengamalkan Rancangan Rukun Tetangga di Semenanjung Malaysia, iaitu 20 di Wilayah Persekutuan, 19 di Johor, 5 di Kedah, 5 di Perak, 5 di Selangor, 3 di Pahang dan 1 di Pulau Pinang. Negeri Perlis, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka kini sedang membuat persiapan awal untuk pelancaran Rukun Tetangga. Negeri-negeri di Pantai Timur pula, akan turut sama selepas musim tengkujuh nanti.

(ii) Memandang kepada sambutan dan penerimaan rakyat terhadap rancangan Rukun Tetangga yang sangat menggalakkan, malahan di luar jangkaan saya atau dugaan kita, maka saya mempunyai keyakinan bahawa pelancaran bagi tahun ini akan berlipat-ganda daripada tahun yang lepas.

(b) Langkah-langkah lanjut yang akan diambil untuk memberikan lebih banyak maklumat mengenai rancangan Rukun Tetangga, ialah dengan berbagai cara seperti memberi ceramah :

- (i) di Pusat-pusat Latihan Kerajaan/Private Sektor;
- (ii) di Majlis seminar yang dianjurkan oleh Kerajaan/Swasta;
- (iii) di perhimpunan pertubuhan/Peratuan Sekerja;
- (iv) di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat;
- (v) di Kursus Sivik yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan di peringkat negeri dan daerah,

oleh pegawai-pegawai Urusetia Rukun Tetangga.

Di samping itu, Jabatan Penerangan juga melalui TV dan Radio akan mengadakan acara khas seperti Foram, Peristiwa dan Temuduga berkaitan dengan rancangan Rukun Tetangga. Filem Negara juga sedang menyediakan satu documentary film yang akan ditayangkan di panggung-panggung wayang gambar di bandar-bandar dan di kampung-kampung pula menerusi Mobile Unit Jabatan Penerangan.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu samada Kerajaan akan membekalkan senjata seperti pistol atau shot-gun kepada anggota-anggota Rukun Tetangga untuk menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi dan untuk mempertahankan diri semasa meronda.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Buat masa ini Sektor Rukun Tetangga ini hanya mendaftarkan diri dan menjalankan kawalan dan rondaan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan dan tidaklah lagi dialatkan dengan alat-alat senjata.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Rukun Tetangga sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, saya ingin membuat satu soalan tambahan sudahkah mencipta satu cogan kata yang boleh dikenal atau dinikmati oleh rakyat dan nyatakan pula sekiranya ada sebutannya itu.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan slogan-slogan, simbol dan juga lagu-lagu berkenaan dengan Rukun Tetangga ini telah diumumkan untuk diadakan pertandingan dan apabila logo-logo ataupun simbol-simbol itu siap kelak mungkin kita dapat umumkan kepada orang ramai.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Menteri katakan sebab apa rancangan ini tidak dilancarkan dengan serentak kepada ke semua ataupun kebanyakan kawasan-kawasan?

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang teliti telah dibuat dan pelancaran ini adalah diadakan dengan kerjasama dari pihak Kerajaan-kerajaan Negeri; memikirkan sebagai satu panduan bagi kawasan-kawasan yang difikirkan perlu dilaksanakan buat peringkat ini, dan mungkin tidak lama lagi akan diadakan pada keseluruhannya.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk memberi imbohan ataupun apa-apa cara pampasan jika berlaku kemalangan masa menjalankan tugas itu?

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Perkara ini ada dalam perhatian dan kajian Kementerian ini.

## MEMBEKUKAN JAWATAN-JAWATAN BARU

**2. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa dasar yang dijalankan oleh Kerajaan membekukan semua jawatan-jawatan baru dan tidak memenuhkan jawatan-jawatan kosong di Jabatan-jabatan Kerajaan dan separuh Kerajaan akan lemah serta melambatkan pelaksanaan Rancangan-rancangan Pembangunan Kerajaan.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan membekukan jawatan-jawatan baru dan kosong tidak akan melemahkan atau melambatkan pelaksanaan Rancangan-ran-

cangan Pembangunan Kerajaan. Kerana, serentak dengan keputusan itu, arahan telah juga dibuat supaya semua agensi-agensi Kerajaan bertindak segera mengulang kaji tenaga kerja yang ada supaya ianya dapat dipergunakan sebaik-baiknya bagi tujuan melaksanakan tugas-tugas yang penting dan utama. Dalam pada itu, pertimbangan untuk mendapatkan kebenaran mengisi jawatan-jawatan kosong atau baru adalah diberi dari masa ke semasa kepada Agensi-agensi Kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan yang difikirkan sangat perlu dan mustahak.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah pembekuan ini akan dicairkan? (*Ketawa*)

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Pembekuan ini adalah dibuat mengikut keadaan suasana negara kita pada masa ini dan juga setelah kajian di semua agensi-agensi Kerajaan, di atas keperluan tenaga juga jabatan-jabatan Kerajaan telah dapat dilaporkan kepada pihak Kerajaan, maka perkara itu akan dipertimbangkan dengan selanjutnya.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping Kementerian ini membekukan jawatan-jawatan di Jabatan-jabatan yang berkenaan atau agensi-agensi Kerajaan, saya ingin membuat satu soalan tambahan. Adakah Jabatan Kerajaan yang ada sekarang perlu disusun semula supaya peraturan kerja dengan langkah jimat-cermat itu dapat dibetulkan. Adakala setengah-setengah Jabatan itu pegawai-pegawainya bekerja lambat dan ada setengah Jabatan kerja kekeringan. Jadi masaalah ini adakah disekalikan atas rancangan membekukan jawatan ini.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Perkara ini adalah dalam kajian tiap-tiap Ketua-ketua Jabatan dan sekiranya ada jabatan-jabatan yang kurang kakitangan sepertiimana yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, barangkali mungkin kerana urusan yang bertambah, maka kelulusan akan diberikan kepada Jabatan-jabatan tersebut. Pendeknya, semua Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan adalah dalam pengawasan dan makluman Kerajaan.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak jabatan-jabatan atau ajensi-ajensi Kerajaan sedang mengalami kekurangan pegawai dan untuk mendapatkan kelulusan, sebagaimana yang dijamin tadi adalah memakan masa dan ini boleh melemahkan dan melambatkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Buat masa ini Kerajaan tidak nampak bahawa ada kelemahan-kelemahan berlaku dalam hal ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mendapat tahu ada ajensi-ajensi atau Jabatan-jabatan Kerajaan seperti itu boleh dimaklumkan kepada Kerajaan dengan serta-merta supaya tindakan selanjutnya diambil.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya iaitu tiap-tiap tahun banyak penuntut-penuntut kita lulus daripada universiti-universiti. Jikalau dibekukan jawatan ini, maka di manakah penuntut-penuntut yang keluar dari universiti ini akan bekerja. Setengah daripada itu mereka akan bekerja dengan swasta. Selain daripada itu, di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan adakah Kerajaan mempunyai rancangan walaupun dibekukan jawatan itu untuk mengambil tenaga pekerja baik bumiputra atau tidak yang lulus daripada universiti untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Urusan Public Service Commission mengambil jawatan-jawatan baru adalah tidak terhalang dari semasa ke semasa.

### **CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN BERKURSUS**

**3. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia tidak membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan yang tetap dan berpencen mengambil Cuti Tanpa Gaji untuk mengikuti kursus-kursus ikhtisas dalam bidang-bidang atau lapangan-lapangan dalam mana terdapat kekurangan ahli-ahli berkelayakan.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali bahawa Kerajaan melarang atau tidak membenarkan pegawai-pegawai tetap dan berpencen daripada mengambil Cuti tanpa Gaji untuk mengikuti kursus-kursus ikhtisas dalam bidang-bidang atau lapangan-lapangan dalam mana terdapat kekurangan tenaga terlatih.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan terpaksa menyusun rancangan supaya tidak semua pegawai-pegawai yang memohon boleh dibenarkan pergi pada satu-satu tahun. Ini sangatlah perlu kerana perkhidmatan Kerajaan kekurangan pegawai-pegawai, bukan sahaja di peringkat ikhtisas tetapi juga di peringkat bawah. Oleh itu, tidak semestinya bahawa semua yang memohon itu akan dapat dibenarkan pergi. Dalam kebanyakan hal, pegawai-pegawai terpaksa ditimbang permohonan mereka mengikut kesesuaian bidang kursus yang akan diikuti dengan keperluan mendesak di dalam perkhidmatan Kerajaan. Sekiranya ada pegawai-pegawai yang mengambil kursus dalam bidang-bidang yang sangat dikehendaki oleh Kerajaan, maka beliau akan ditimbang untuk pergi kursus terlebih dahulu. Bila ramai pula pegawai-pegawai dalam satu bidang kepakaran yang ingin berkursus, seperti dalam bidang perubatan, maka Kerajaan terpaksa menimbang kelicinan perkhidmatan perubatan dari segi jumlah pegawai yang tinggal yang akan mentadbirkan hospital-hospital dan klinik-klinik semasa kawan mereka pergi berkursus supaya perkhidmatan perubatan tidak terjejas kerana kekurangan pegawai-pegawai. Dalam lain perkataan, Kerajaan mesti mengadakan kawalan dalam menimbang Cuti Belajar baik dengan Bergaji Penuh atau Tanpa Gaji dari pegawai-pegawainya.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana negara kita sedang maju dan tidak mencukupi pakar-pakar di semua Jabatan-jabatan Kerajaan, Kerajaan patut encourage pegawai-pegawai kanan atau sesiapa juga pegawai Kerajaan yang ingin pergi belajar secara bersendirian. Adakah apa-apa rancangan untuk memberi kebenaran kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang pergi belajar dengan perbelanjaan sendiri pada masa yang akan datang.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pergi dengan perbelanjaan sendiri dan tidak terikat dengan jawatan Kerajaan, maka tidaklah ada apa-apa halangan dalam masaalah ini. Apa yang telah dinyatakan ialah bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berpenyen iaitu menghendaki cuti dalam tempoh mengambil kursus tersebut dan untuk makluman Dewan juga bahawa dalam tahun 1975 yang lalu kebenaran telah diberi lebih dari 100 orang pegawai-pegawai Kerajaan yang difikirkan perlu dalam kursus-kursus kepakaran dan kursus-kursus ikhtisas yang penting.

#### CITY AND GUILDS OF LONDON CERTIFICATE OF TECHNOLOGY

4. **Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mengiktiraf "the City and Guilds of London Certificate of Technology" padahal ia diiktiraf di serata negara-negara Komanwel dan juga di negara-negara ASEAN kerana ia setaraf dengan Ijazah-ijazah Instituti Teknologi Mara.

**Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan tidak mengiktiraf kelayakan dari City and Guilds of London Institute, United Kingdom telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan setelah dijalankan pengkajian oleh satu Jawatankuasa Kecil Kelayakan Teknik yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang teknik.

Keputusan itu telah dibuat berdasarkan kepada hakikat bahawa kelayakan tersebut tidak dapat disamatarafkan dengan Diploma Universiti Teknologi Malaysia atau Diploma I.T.M. kerana mutu dan taraf akademiknya adalah didapati tidak sesuai bagi melayakkan pemegang-pemegang kelayakan tersebut menjalankan tugas jawatan-jawatan yang tertentu di dalam perkhidmatan Kerajaan.

#### ANGKATAN TENTERA—MENAMATKAN PERKHIDMATAN

5. **Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Pertahanan menyatakan peratus anggota-anggota Pasukan Keselamatan Malaysia (termasuk Askar Melayu dan lain-lain bahagian yang berkaitan) yang

telah menamatkan perkhidmatan mereka sebelum mencapai umur 45 tahun dan telah memperolehi pekerjaan dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, pihak swasta atau mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan tanah baru Kerajaan dalam tahun 1971, 1972, 1973, 1974 dan 1975 masing-masingnya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, peratus anggota-anggota Angkatan Tentera yang telah menamatkan perkhidmatan mereka sebelum mencapai umur 45 tahun dan memperolehi pekerjaan bagi tahun 1971 hingga 1975 adalah sebagai berikut:

Tahun 1971	...	...	67.3%
Tahun 1972	...	...	71.4%
Tahun 1973	...	...	71.6%
Tahun 1974	...	...	67.4%
Tahun 1975	...	...	75.5%

Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkehendakkan pecahan-pecahan yang lebih detail, kita boleh menguruskan untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan baru sebentar tadi, saya ingin hendak mendapatkan kenyataan dengan soalan tambahan. Adakah Kementerian ini telah mengadakan perundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa askar-askar kita yang telah tamat tempoh atau yang telah berhenti itu supaya mereka dapat berkhidmat dengan menjadi anggota Polis sebagaimana yang dikehendaki kerana anggota Polis kekurangan pegawainya pada masa sekarang.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, segala langkah untuk menggunakan sebarang tenaga yang boleh mendatangkan faedah, walaupun dalam hal ini dari segi keselamatan sedang diikhtirakan oleh Kementerian ini.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpuas hati dengan angka-angka atau peratus yang dicapai itu, dan jikalau tidak apakah langkah-langkah untuk memperbaikinya.

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, puas hati ataupun tidak kalau dibanding atau dilihat dari segi peratus, sungguhpun dalam tahun 1972 dan 1973 adalah dalam lengkongan 70% dan turun kepada 67% dalam tahun 1974, tetapi daripada segi absolute figures ataupun perangkaan yang sebenarnya, walaupun dalam tahun 1974 peratusannya telah turun daripada 71.6%, dalam tahun 1973 turun kepada 67.4% dalam tahun 1974, tetapi jumlah perangkaan bekas tentera kita telah meningkat daripada tahun 1973 yang berjumlah 1,232 orang kepada 1,790 orang untuk tahun 1974. Peratusan hitung panjang dalam lengkongan 70% ini sungguhpun menggalakan tetapi tidaklah bermakna bahawa Kementerian ini berpuas hati dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan malah beberapa langkah yang lain sedang disusun untuk menempatkan dan membolehkan bekas-bekas tentera ini mendapatkan peluang-peluang pekerjaan.

#### KAKITANGAN IKHTISAS DI JABATAN KERJA RAYA

7. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan kekosongan kakitangan-kakitangan ikhtisas dan separa-ikhtisas dalam jabatan-jabatannya di peringkat Persekutuan dan Negeri dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masaalah kekurangan kakitangan dan samada kekurangan seperti ini akan menjejaskan pelaksanaan yang pesat projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kekosongan-kekosongan kakitangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah di dalam Jabatan Kerja Raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan Ikhtisas di Jabatan Kerja Raya termasuklah Jurutera Awam, Jurutera Jentera, Jurutera Letrik, Akitek dan Juru Ukur Bahan. Sementara kakitangan Separa-Ikhtisas terdiri daripada Pembantu Teknik-pembantu teknik Awam, Jentera, Letrik, Akitek dan Ukur Bahan.

Kedudukan kekosongan sehingga 31hb Disember, 1975 ialah seperti berikut :

	IKHTISAS			SEPARA-IKHTISAS		
	Bil. Jawatan	Bil. yang telah diisi	Bil. Kekosongan	Bil. Jawatan	Bil. yang telah diisi	Bil. Kekosongan
Persekutuan ...	337	274	63	266	146	120
Negeri ...	201	183	18	409	244	165
<b>JUMLAH ...</b>	<b>538</b>	<b>457</b>	<b>81</b>	<b>675</b>	<b>390</b>	<b>285</b>

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tersebut termasuklah :

- (i) Mengambil kakitangan ikhtisas yang sesuai secara kontrek ataupun tetap samada dari luar atau tempatan.
- (ii) Menyerahkan sebahagian kerja-kerja kepada Konsultant samada Juru Perunding luar atau tempatan jika ianya sesuai.

#### ROSOTAN EKONOMI NEGARA

6. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab bagi kemerosotan ekonomi negara kita sekarang walaupun harga bijih-timah, getah dan kayu-kayan sentiasa dalam keadaan stabil.

**Timbalan Menteri Penyelarasan Perbandaran Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan akan membentangkan Perutusan Belanjawan bagi tahun 1976 kepada Dewan Negara pada 16hb Januari di mana beliau akan memberi garis kasar kedudukan ekonomi negara. Dalam masa itu juga, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diliputi di dalam perutusan yang akan dibentangkan kepada Dewan ini kelak.

- (iii) Menghantar pegawai berkelayakan yang sedang berkhidmat dengan biasiswa untuk mengikuti latihan ikhtisas ataupun kursus-kursus lanjutan. Walaupun akibat daripada penghantaran pegawai-pegawai ini, memburukkan lagi kedudukan kekosongan dalam jangka pendek, namun demikian apabila pegawai-pegawai lulusan tersebut pulang, kita akan mendapatkan tenaga yang berkelulusan tinggi.

Walaupun kita menghadapi kekurangan kakitangan di dalam kategori-kategori tersebut dan ianya merupakan salah satu daripada faktor-faktor yang akan mempengaruhi pembangunan projek namun demikian dengan langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil dan memandangkan bertambahnya bilangan-bilangan siswazah kelulusan universiti-universiti tempatan dan luar negeri dalam masa lima tahun akan datang ianya tidak akan menjejaskan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang begitu penuh dan tepat, saya ingin mendapat tahu dengan soalan tambahan, dengan kekosongan ini tidakkah menjejaskan atau separuh menggagalkan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dalam bidang Jabatan Kerja Raya?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah cuba menerangkan tadi pada keseluruhannya tidak.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini sedar bahawa lebih daripada 50% projek yang menelan perbelanjaan berjuta-juta ringgit di Kelantan, termasuk hendak membina rumah Kerajaan tergendala akibat daripada kekurangan ini, kenapa Kementerian ini membiarkan penyakit ini berlanjutan.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan tambahan itu adalah ditujukan kepada specific case. Walaupun specific tetapi kurang jelas. Kalau boleh berikan lebih detail lagi seperti di mana projek itu, di mana dalam negeri itu yang telah gagal, barangkali saya boleh dapat memberi jawapan yang sesuai.

## RUNDINGAN TIGA-SEGI BAGI BRUNEI

**8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia berkaitan dengan ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu ke arah mengadakan Rundingan Tiga-Segi di kalangan Kerajaan Sultan Brunei, Kerajaan British dan Parti Rakyat Brunei untuk menentukan hasrat dan cita-cita rakyat Brunei untuk berkerajaan sendiri dan apakah bantuan yang diminta dari Malaysia oleh Kerajaan British atau Parti Rakyat Brunei.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, seruan agar diadakan Rundingan Tiga-Segi di antara Sultan Brunei, Kerajaan British dan Parti Rakyat Brunei (PRB) mula-mulanya telah dibuat dalam satu consensus statement yang diluluskan oleh Committee of 24 iaitu satu Jawatankuasa Khas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pembebasan tanah-tanah jajahan hasil dari satu rayuan (petition) yang dibuat oleh Parti Rakyat Brunei. Apabila perkara tersebut dibawa ke Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu Malaysia di dalam Komiti ke Empat (Fourth Committee) mensponsorkan bersama dengan beberapa buah negara lain satu usul yang mana telah diluluskan oleh Committee tersebut pada 18hb November, 1975 berikutan dengan itu ketetapan tersebut telah juga diluluskan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 8hb Disember yang lalu dengan 119 negara menyokong, tiada yang menentang, dan 12 negara bersikap berkecuali. Ketetapan tersebut telah menyeru Kerajaan British sebagai kuasa pentadbir untuk mengambil sebarang langkah di bawah kuasanya untuk membolehkan pihak Kerajaan yang berkenaan di Brunei mengadakan dengan seberapa segera pilihanraya di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu. Ketetapan tersebut juga telah menyeru agar pengharaman ke atas Parti-parti politik yang wujud sekarang ini di Brunei ditarik balik dan segala orang buangan politik dibenarkan kembali di Brunei untuk mengambil bahagian di dalam pilihanraya tersebut.

Pengambilan bahagian kita di dalam ketetapan tersebut adalah selaras dengan dasar Malaysia, menggalakkan langkah-langkah terhadap pembebasan wilayah-wilayah jajahan di mana sahaja mereka

berada. Malaysia telah sentiasa memainkan peranan yang active di Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha-usaha membantukan wilayah-wilayah jajahan menggunakan hak asasi mereka untuk menentukan nasib mereka sendiri dan dalam usaha mereka mencapai kemerdekaan. Kita memang sentiasa menganggap ini sebagai satu daripada tanggungjawab asas kita sebagai Ahli Bangsa-bangsa Bersatu.

Berkenaan dengan masalah Brunei tanggungjawab tersebut adalah sama bahkan lebih berat lagi oleh sebab Brunei adalah dalam kawasan Asia Tenggara berjiran dengan kita. Dari segi bantuan yang diminta dari Malaysia hanya Parti Rakyat Brunei mohon sokongan di dalam rayuan mereka di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia, Malaysia telah memberi sokongan seperti yang dinyatakan terlebih dahulu itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana sikap Kerajaan Malaysia atas cadangan Kerajaan Australia supaya Brunei bercantum dengan Malaysia, sebahagian daripada negara Malaysia dengan kehendak rakyat Brunei di sana.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpulanglah sepertimana saya telah sebutkan tadi. Jadi dasar kita ini hanya menyokong Petitioner untuk mengadakan self-determination di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini terpulanglah kepada rakyat Brunei apa kehendak mereka. Selain daripada itu, Malaysia saya rasa tidak dapat memberi pandangan, sikap ini terpulanglah kepada rakyat Brunei sekalian.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawasanya Kerajaan Singapura telah membuat latihan perang di Brunei iaitu dengan kehendak dan persetujuan Kerajaan British dan pandangan rakyat Brunei dengan adanya atau wujudnya latihan tentera di Brunei itu seakan-akan negeri ASEAN sendiri tidak menyokong kemerdekaan sebuah negeri yang ditakluki oleh British. Apakah peranan yang dilakukan oleh Malaysia bagi satu daripada negara ASEAN untuk menasihatkan atau membuat bantahan kepada khususnya Singapura atau British.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya rasa Malaysia sedar iaitu latihan (exercise) yang dibuat itu dan sepertimana yang saya telah jawab di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini Kerajaan Singapura dan Kerajaan British telah memberitahu di atas cadangan ini. Ini terpulanglah kepada negara yang berkenaan, tetapi oleh sebab kita, Malaysia, tidak ada hak mengatakan satu-satu perkara, maka saya rasa tidaklah menjadi satu perkara yang kita boleh menahan apa-apa tindakan di atas cadangan mereka itu. Kita mengucapkan terima kasih di atas Kerajaan yang berkenaan yang telah memberitahu cadangan ini di atas sikap itu, saya rasa saya kurang bersetuju apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, adakah ini akan menghalang satu-satu rancangan, saya tidak bersama dengan apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat itu.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha selanjutnya daripada pihak Kerajaan Malaysia, sekiranya Kerajaan Brunei tidak mengindahkan keputusan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masanya belum sampai lagi. Itu pertanyaan hypothetical (*Ketawa*). Jadi rasa saya tidak perlulah saya jawab.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, dalam suratkhbar pada hari ini mengatakan iaitu askar-askar Gurkha ini akan ditempatkan entah untuk beberapa lama lagi di Brunei, kerana mengikut kata Kerajaan Inggeris untuk melindungi Sultan Brunei. Apa pandangan negara kita dan tindakan kita terhadap tekanan Inggeris menempatkan semula askar Gurkha di negeri Brunei ini?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah sebutkan tadi peranan kita sebagai satu daripada Ahli Bangsa-bangsa Bersatu (as a member of the United Nations) telahpun mengatakan iaitu peranan yang kita ambil di dalam Jawatankuasa Decolonisation iaitu dalam Committee of 24. Jikalau berlaku perkara tekanan seperti Yang Berhormat itu katakan tadi, saya rasa ini terpulanglah

kepada Bangsa-bangsa Bersatu memikirkan adakah resolusi-resolusi yang telah dikeluarkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu itu diambil indah ataupun diambil perhatian berat oleh administering authority di Brunei ini. Jadi kita sebagai sebuah negara yang berjiran saya rasa pandangan-pandangan ini buat masa sekarang ini tidaklah kita boleh memberikan pandangan kerana ini adalah satu perkara yang mana kita mesti kaji dengan sehalus-halusnya di atas kedudukan perkara ini. Buat masa sekarang ini kita hanya melihat dan berharap supaya resolusi-resolusi yang diputuskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu diterima oleh pihak yang tertentu atau yang berkuasa di Brunei.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau Kerajaan sedar bahawasanya baru-baru ini pemerintah Brunei telah menuduh negara kita campur tangan dalam urusan Brunei. Sekalipun pada satu ketika dahulu pada tahun 1962 kita membantu mereka dalam menyelesaikan atau memadamkan Pemberontakan Brunei. Apakah pandangan Kerajaan dengan tuduhan yang dibuat oleh pemerintah Brunei ini?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat itu salah sedikit mengatakan pihak berkuasa Brunei menuduh Malaysia. Saya rasa tidak ada perkataan yang menuduhkan Malaysia. Tetapi saya suka menjawab iaitu dasar Kerajaan Malaysia dan dasar Kementerian Luar Negeri adalah tidak campur tangan dalam hal perkara bersabit dalam negeri tiap-tiap satu negara. Di sini saya suka menerangkan dengan sejelas-jelasnya. We have categorically said that our policy is that we do not interfere with the internal affairs of other countries and that policy is strictly adhered to by Malaysia.

#### BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH TAMIL

9. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang untuk menambahkan masa bagi mengajar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil; dan

- (b) samada Kerajaan akan memestikan supaya sekolah-sekolah rendah dan menengah yang mempunyai lebih daripada 15 orang murid Tamil dalam satu-satu darjah, mengajar Bahasa Tamil.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menambahkan masa bagi mengajar Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil. Walau bagaimanapun, mengikut peraturan-peraturan (Kursus-kursus Pengajian) Sekolah 1956, masa tambahan ada disediakan untuk digunakan oleh Guru Besar mengikut budibicara atau kebijaksanaannya dan kebanyakan Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Tamil menggunakan masa tambahan itu untuk mengajar Bahasa Malaysia.
- (b) Kementerian Pelajaran tidak akan memestikan supaya sekolah-sekolah rendah dan menengah yang mempunyai lebih daripada 15 orang murid Tamil dalam satu-satu darjah, mengajar Bahasa Tamil.

Buat masa ini juga jika ada 15 atau lebih orang murid Tamil yang meminta pengajaran Bahasa Tamil dalam satu-satu kelas maka sekolah yang berkenaan itu bolehlah menguruskan kemudahan untuk mengajarnya.

#### PERKHIDMATAN BAS DUA TINGKAT

10. **Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada untuk mengatasi kesesakan di Ibu Kota Kuala Lumpur pihak Kerajaan menggalakkan Syarikat-syarikat Bas mengadakan perkhidmatan BAS DUA TINGKAT.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan Syarikat-syarikat Bas mengadakan perkhidmatan bas-bas yang mempunyai muatan yang lebih ramai iaitu "High Capacity Buses". Kerajaan tidak ada halangan sekiranya Syarikat-syarikat Bas bercadang untuk mengadakan perkhidmatan bas-bas dua tingkat.

## LESEN IMPOT KEPADA BUMIPUTRA

**11. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan:

- (a) samada beliau sedar bahawa ada syarikat-syarikat Bumiputra yang mendapat lesen-lesen impot yang dikhaskan untuk Bumiputra menyerahkan lesen-lesen itu kepada bukan Bumiputra dengan cara menubuhkan syarikat-syarikat usahasama;
- (b) samada beliau mengetahui bahawa setelah dilancar rancangan penyertaan Bumiputra dalam perniagaan sebagai wakil-wakil pengidar, ada pengilang-pengilang atau agensi-agensi yang sedia itu (terutama dalam bahagian kenderaan) menubuhkan syarikat-syarikat usahasama dengan meletakkan pekerja-pekerjanya sendiri atau satu dua nama orang yang terkenal menjadi pengarah-pengarah tidor (sleeping partner) dengan tujuan mendapatkan agensi untuk Bumiputra itu kepada kumpulan mereka sendiri. Jika sedar, apakah tindakan akan diambil terhadap mereka.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa ada kemungkinan Bumiputra yang mendapat lesen impot selaras dengan quota khas yang ditentukan bagi mereka menyerahkan lesen itu kepada bukan Bumiputra dengan cara menubuhkan Syarikat-syarikat Usahasama. Tetapi suka saya menjelaskan bahawa ada dua cara di dalam mana lesen impot ini boleh diserahkan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Satu di dalam mana pihak Bumiputra terlibat secara aktif ataupun giat bersama-sama dengan pihak bukan Bumiputra di dalam perniagaan syarikat tersebut dan mendapat faedah yang berpatutan dari perniagaan Syarikat Usahasama tersebut. Perniagaan secara usahasama ini perlu rasa saya oleh kerana pihak Bumiputra masih memerlukan pengalaman dan perhubungan perdagangan.

Satu lagi cara ialah pihak Bumiputra yang mendapat lesen impot itu menyerahkan lesennya kepada bukan Bumi-

putra dengan mendapat bayaran upah atau commission terhadapnya, mereka tidak langsung terlibat secara langsung ataupun secara giat di dalam perniagaan syarikat tersebut. Jika ada kenyataan secara yang kedua itu berlaku maka pihak Bumiputra yang terlibat akan tidak lagi diberi kemudahan yang telah diberi kepadanya.

- (b) Saya sedar bahawa perkara yang dibangkitkan di bawah soalan (b) oleh Ahli Yang Berhormat mungkin berlaku. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa prestasi (performance) sebuah syarikat perkilangan dari segi penyertaan Bumiputra di dalam bidang pengedaran adalah diukur dari segi sejauh mana mereka telah melantik pengidar-pengidar Bumiputra yang tulin memasuki Syarikat-syarikat Usahasama yang telah saya sebutkan tadi. Siasatan dan pemeriksaan adalah dibuat oleh Kementerian saya dari masa ke semasa terhadap syarikat-syarikat Bumiputra yang telah dilantik sebagai pengidar untuk menentukan bahawa mereka benar-benar menggambarkan penyertaan Bumiputra yang "effective" ataupun yang berkesan. Oleh yang demikian, jika ada syarikat-syarikat pengilangan melantik syarikat-syarikat pengedaran usahasama yang mana penyertaan Bumiputra merupakan penyertaan yang tidak "active" ataupun yang tidak "effective", maka penyertaan-penyertaan syarikat pengidar seperti ini tidaklah dianggap sebagai penyertaan Bumiputra. Jika didapati perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan itu menerusi nasihat dan jika ini tidak dipatuhi, sokongan Kementerian saya terhadap perlantikan itu akan ditarik balik.

## MAJLIS BELIA MALAYSIA/NEGERI

**12. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi menubuhkan semula Majlis Belia Malaysia dan Majlis Belia Negeri masing-masingnya di setiap buah negeri di Malaysia;

- (b) usaha-usaha yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi menyatukan semula semua badan-badan belia kebangsaan untuk menubuhkan Majlis Belia Malaysia terutama sekali mereka yang dari Sabah dan Sarawak dan badan-badan belia yang masih belum lagi bergabung dengan sebarang badan-badan belia kebangsaan; dan
- (c) sikap Kementerian ini terhadap penubuhan lebih daripada sebuah Majlis Belia Negeri di dalam sesebuah negeri atau kemungkinan penubuhan sebuah lagi Majlis Belia Malaysia yang lain di negara ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi

- (a) dan (b) Majlis Belia Malaysia yang ada sekarang sedang berada dalam proses penyusunan semula dirinya. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berhubung rapat dan berunding dengan pihak-pihak berkenaan mengenai penyusunan semula ini. Penyusunan semula ini memanglah meliputi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.
- (c) Sikap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkehendak seberapa yang boleh satu sahaja Majlis Belia Malaysia dan satu sahaja Majlis Belia Negeri di tiap-tiap negeri.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menggalakkan belia-belia Malaysia dari semua kaum bercampur sama aktiviti-aktivitinya di bawah satu pertubuhan belia dalam tiap-tiap negeri dan adakah keadaan daripada usaha-usaha ini didapati puas hati.

**Datuk Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah Kerajaan ini banyak. Jadi, saya tidak dapat nyatakan satu persatu di sini, memanglah satu daripada tugas Kementerian ini menggalakkan pertubuhan belia yang terdiri ahlinya daripada semua keturunan, kemudian pertubuhan-pertubuhan belia itu disatukan dan dirapatkan hubungannya. Kalau di daerah melalui Majlis Belia Daerah, kalau di Negeri melalui Majlis Belia Negeri, kalau di

peringkat nasional melalui Majlis Belia Malaysia. Ini secara amnya infrastructure untuk merapatkan hubungan antara belia daripada berbagai keturunan yang ada dalam negara ini.

Langkah-langkah yang lain itu banyak, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu boleh diberi penerangan kemudian.

### **YUNIT KEPAKARAN MATA DI HOSPITAL BESAR, MUAR**

**13. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa satu pakar mata baharu yang ada di Hospital Besar, Muar tidak diberi alat-alatan yang lengkap untuk menjalankan tugasnya;
- (b) jika benar, apakah langkah-langkah Menteri akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, saya telah maklum. Yunit Ke-pakaran Mata di Hospital Besar Muar adalah sebuah Yunit yang baru ditubuhkan. Pakar Mata Yunit itu bertanggungjawab mengurus dan menyusun Yunit tersebut dan ini termasuklah tugas-tugas untuk mendapatkan alat kelengkapan yang diperlukan olehnya.
- (b) Beliau boleh mengemukakan senarai alat kelengkapan yang diperlukannya kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Johor supaya tindakan dapat diambil bagi mendapatkan alat kelengkapan tersebut.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya alat-alat tak ada, alat-alat mata itu tak ada, pakar mata sahaja yang ada yang dihantar ke Hospital Daerah Muar. Jadi doktor itu cuma menengok mata, beliakkan mata orang itu, tengok dan taruh susu ke dalam mata orang itu, tetapi dia tak ada apa hendak dibuat. Jadi oleh kerana itu saya fikir lebih baik pakar itu dihantar ke Kuala Lumpur, lebih berfaedah daripada diletakkan dia di Muar dengan tak ada perkakas untuk merawat penyakit mata.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak faham organisasi atau pentadbiran di Jabatan-jabatan Kepakaran di Hospital seluruh negara dan juga pakar-pakar yang berkenaan serta alat-alat yang digunakan oleh pakar-pakar tersebut. Kebanyakan pakar-pakar itu adalah sudah mahir menggunakan alat-alat yang biasa digunakan pada masa yang sudah atau pada masa-masa yang lepas. Ada juga pakar-pakar menggunakan satu jenis alat yang mereka sentiasa telah menggunakan pada masa mereka belajar atau semasa mereka mengambil practical experience. Jadi, berbagai-bagai alat yang ada. Jadi terpulanglah kepada pakar-pakar yang berkenaan itu untuk memberitahu apakah alat-alat yang diperlukan oleh mereka untuk digunakan, kepada Pengarah Perubatan dan Kesihatan di Negeri-negeri dan peruntukan berkenaan adalah diberikan kuasa kepada pengarah-pengarah berkenaan di tiap negeri itu yang akan membeli alat-alat tersebut yang telah diminta oleh pakar-pakar yang berkenaan. Inilah organisasi di bawah Kementerian Kesihatan, jadi bukanlah seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya bukan pakar, saya pun tak jadi doktor, tetapi saya dengar tadi iaitu perkakas dan jentera tidak ada, jadi apa Yang Berhormat Menteri jawabkan, sekarang tindakan akan diambil, perkakas akan dibeli. Saya rasa apabila dijawab begitu, mungkin ada doktor atau pakar-pakar itu hanya boleh menggunakan perkakas apa yang dipelajari di universiti yang mana akan dibawa ke hospital itu. Kalau begitu, kalau doktor itu bertukar ke lain tempat, doktor pakar yang lain kata, "Saya hendak tukar lain alat pula, alat ini tak guna lagi." Perkakas itu kena angkat dan digantikan dengan lain perkakas pula. Begitukah cara pakar menggunakan alat-alat ataupun pakar-pakar itu dapat menggunakan semua perkakas-perkakas di hospital itu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, aturan-aturan yang diaturkan oleh Kementerian ini adalah dijalankan dengan licin. Jadi tidaklah berbangkit soalan yang ditimbulkan bahawa pakar-pakar itu tidak pandai atau tidak menggunakan alat-alat yang mereka tidak biasa menggunakannya. Soal ini mungkin timbul jika sesuatu hospital

itu menubuhkan sebuah yunit baru dan juga adalah dasar Kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan ini untuk memperluaskan perkhidmatan kepakaran, bukan sahaja di hospital besar tiap-tiap negeri akan tetapi ke hospital-hospital daerah pada masa yang akan datang. Jadi, kita perlulah menubuhkan yunit-yunit yang sangat diperlukan oleh rakyat. Saya mengucapkan tahniah kepada Negeri Johor khususnya di Muar yang telah mengadakan satu yunit pakar mata yang baru. Jika ada pakar mata yang lebih, kita akan tubuhkan lagi yunit pakar mata pada masa yang akan datang di tiap-tiap hospital.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, apakah motif diletakkan pakar mata itu di Muar? Adakah sebab di Muar itu banyak sangat orang sakit mata? (*Ketawa*). Kalau sekiranya ada dirancangan Muar umpamanya jadi Pusat (Centre) rawatan penyakit mata bagi kawasan Johor Utara dan Melaka Selatan, mengapa perancangan tidak dibuat untuk melengkapkan semua alat-alat yang diperlukan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Pahang itu tidak tahu berapakah bilangan penduduk di daerah Muar. Bilangan penduduk di Daerah Muar adalah lebih daripada 400,000 orang, kita memerlukan berbagai kepakaran bertugas kepada hospital daerah itu untuk memberikan perkhidmatan kepada pesakit yang bukan terhad kepada penyakit mata sahaja, akan tetapi kepakaran yang lain sudah diberikan kepada hospital itu untuk pesakit-pesakit pada masa yang sudah.

#### TANDAHARGA BARANG-BARANG TERTENTU

**14. Tuan A. Arunasalam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa tandaharga-tandaharga setengah barang-barang tertentu, selain daripada barang-barang terkawal, telah dibubuh oleh peniaga-peniaga mengikut sesuka hati mereka sahaja dan mereka memberitahu pelanggan-pelanggan, terutama sekali mereka dari kampung dan kawasan-kawasan luar bandar, bahawa harga-harga tersebut telah ditetapkan oleh Kerajaan;

- (b) apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini untuk menentukan bahawa peniaga-peniaga ini tidak menggunakan nama Kerajaan untuk menipu orang ramai; dan
- (c) memandangkan kepada harga barang-barang gantian kenderaan yang tidak tetap dan pentingnya barang-barang ini dalam lapangan pengangkutan, samada beliau akan memasukkan barang gantian ini sebagai barang terkawal.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Memang tidak boleh dinafikan ada kemungkinan pekedai-pekedai mengatakkan harga-harga yang dipamirkan bagi barang-barang yang tertakluk kepada tandaharga adalah harga-harga yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun jika mereka berbuat demikian tidaklah betul kerana apa yang dipamirkan bukanlah yang ditetapkan oleh Kerajaan tetapi harga yang difikirkan munasabah oleh pihak penjual, kecuali barang-barang yang dikawal dalam mana harga telah dipersetujui ataupun ditetapkan oleh Kerajaan, iaitu seperti gula, tepung gandum dan lain-lain. Tujuan menguatkuasakan tandaharga kepada beberapa barang keperluan adalah untuk membolehkan pengguna memilih antara beberapa pekedai-pekedai, harga yang sehabis rendah dan menasabah.
- (b) Tindakan yang diambil ialah dengan memberikan penerangan-penerangan kepada orang ramai tentang tujuan tandaharga menerusi dailog-dailog dan sebaran am. Pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa Kementerian juga sentiasa mengadakan lawatan-lawatan dan pemeriksaan untuk menentukan pekedai-pekedai tidak menipu orang ramai. Dalam pada itu Kementerian juga memerlukan kerjasama daripada orang ramai dan jikalau sekiranya ada perbuatan sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini berlaku, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri di Kementerian sedia mengambil tindakan-tindakan terhadap pihak-pihak yang berkenaan yang telah menggunakan nama

Kerajaan menyatakan bahawa harga yang dipamirkan itu adalah harga yang ditetapkan ataupun yang disyorkan oleh Kerajaan sungguhpun kenyataan itu tidak betul.

- (c) Kementerian saya sekarang sedang mengambil tindakan untuk menentukan sebilangan barang-barang gantian (spare parts) yang hendak dikawal.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan soalan ini, adakah Kerajaan khususnya Kementerian ini bercadang untuk mengadakan satu sistem mengesyorkan harga-harga minima bagi beberapa barang-barang pengguna yang umum, iaitu suggested price system untuk diikuti oleh peniaga-peniaga.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, kita cuma mengadakan sistem, dan pada masa ini ada ditentukan harga-harga ataupun mengawal harga barang-barang yang kita anggap perlu dikawali dan ditetapkan harganya. Jadi kalau kita hendak menetapkan harga kepada semua barang yang difikirkan perlu sebagaimana Ahli Yang Berhormat cadangkan itu, maka sudah tentulah kita akan masuk pula kepada masa diadakan system rationing sebagaimana kita adakan pada masa dharurat dahulu dan Kerajaan berpendapat tidaklah perlu buat masa ini kita mengadakan satu sistem dalam mana kita mewujudkan semula system rationing yang kita adakan pada masa dharurat dahulu.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Menteri salah faham atas soalan saya tadi. Maksud saya ialah bagi barang-barang yang tidak termasuk dalam senarai barang kawalan, misalnya barang-barang makanan umum mungkin Kerajaan dapat mengadakan sistem di mana mengesyorkan harga-harga minima yang mana boleh diikuti sebagai panduan oleh peniaga-peniaga iaitu menggunakan suggested price system.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan cuma menentukan harga-harga minima ataupun harga-harga terkawal kepada barang-barang tertentu yang Kerajaan anggap perlu dikawali dan perlu ditetapkan harganya.

## MENYAMAKAN BARANG-BARANG KEPERLUAN

**15. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk menyamakan harga barang-barang keperluan oleh kerana harganya berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyamakan semua harga barang-barang keperluan untuk jualan di serata Malaysia. Tetapi oleh kerana beberapa faktor yang rumit seperti masalah pengangkutan dan jauh dekat tempat-tempat itu, maka sukarlah untuk mengadakan satu rancangan menyeluruh untuk menyamakan harga barang-barang keperluan.

Walau bagaimanapun Kementerian saya terus berusaha untuk mencapai matlamat ini khususnya bagi barang-barang keperluan yang bekalannya mencukupi. Harga yang dipersetujui bagi barang-barang seperti gula, susu, tepung gandum dan batang besi adalah sama di Semenanjung Malaysia.

## SYARIKAT TARAF PERINTIS

**16. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat-syarikat yang diberikan taraf perintis yang telah dijadikan hak negara Malaysia hingga sekarang.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang tidak ada syarikat-syarikat samada yang bertaraf perintis ataupun tidak yang telah dijadikan hak negara Malaysia. Perlu saya jelaskan bahawa tidaklah menjadi polisi Kerajaan untuk menghaknegerakan syarikat-syarikat yang didirikan di negeri ini. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat perindustrian adalah dikehendaki mematuhi polisi-polisi dan objektif-objektif Kerajaan menerusi syarat-syarat yang dikenakan di atas kelulusan yang diberikan bagi kepentingan negara dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan termasuk penyeritaan equiti oleh warganegara negara ini.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab sudah jelas bahawasanya dasar Kerajaan Malaysia tidak menghakmilik negarakan syarikat-syarikat swasta luar negeri yang memodali syarikat itu di negeri ini tetapi adakah Kerajaan bersedia menimbangkan semula kadar lama taraf perintis yang diberikan kepada syarikat-syarikat itu yang tidak dikehendaki membayar cukai daripada 7 tahun kepada 4 tahun umpamanya, kerana 7 tahun itu adalah satu masa yang lama yang banyak cukai-cukai tidak dapat dikutip. Adakah Kerajaan bercadang supaya mengurangkan tempoh daripada 7 tahun kepada 4 tahun memandang kepada akuan, bahawa kita tidak akan menghaknegerakan harta-harta mereka.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar dan juga undang-undang sekarang ini masa tempoh maksima sahaja yang kita tetapkan, umpamanya 5 tahun taraf perintis, bukan bermakna kita beri terus 5 tahun. Apabila kita luluskan permohonan untuk taraf perintis, biasanya, kita bagi tempoh setahun, 2 tahun kita kaji perjalanan kilang ataupun syarikat perindustrian ini selama setahun atau 2 tahun ataupun tempoh yang ditetapkan itu dan apabila sampai masa kajian, jikalau sekiranya difikirkan tidak perlu lagi diteruskan taraf perintisnya sebagaimana maksima saya kata tadi 5 tahun, kita boleh berhenti-kan taraf perintis setakat yang mana kita telah bagikan setahun—setahun; 2 tahun—2 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal-jawab selama satu jam tamat sekarang.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 adalah diberi di bawah ini).*

## PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN JEPUN

**17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil lawatan Rombongan Perdagangan Malaysia ke Jepun dalam usaha menggalakkan perdagangan antarabangsa ia itu dalam bidang (a) pemasaran, (b) pelaburan, dan (c) mengekspot nenas dalam tin Malaysia.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Rombongan Perdagangan Malaysia ke Negeri Jepun yang dijadualkan bertolak dalam bulan November tahun lalu telah ditangguhkan ke penghujung tahun ini supaya ia serentak dengan Pamiran Perdagangan Malaysia yang akan diadakan di Tokyo di bawah anjuran Pusat Penggalakan Asia Tenggara bagi Perdagangan, Pelancungan dan Pelaburan. Adalah difikirkan bahawa pelaksanaan kedua-dua rancangan tersebut di masa yang sama akan membawa publisiti yang luas kepada keluaran-keluaran Malaysia dan dengan itu dijangka akan memberi kesan yang lebih besar ke atas pasaran di Negeri Jepun.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (5hb Januari, 1976)

*Perbahasan disambung semula.*

3.37 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini, tetapi sungguhpun begitu saya dapati di dalam Rang Undang-undang ini ada menyatakan untuk meminjamkan wang bagi mendirikan rumah-rumah bagi pegawai-pegawai. Pegawai-pegawai maksudnya ialah pegawai-pegawai tinggi—Division I, Division II dan barangkali Division III tetapi pegawai-pegawai yang lebih rendah lagi seperti Pegawai-pegawai Division IV, buruh-buruh kasar yang berkhidmat dengan Kerajaan mereka juga berkehendakkan perlindungan apabila mereka bersara daripada pekerjaannya. Dengan sebab itu, jikalau diluluskan undang-undang ini, maka Kerajaan terpaksa menimbang dengan sehalus-halusnya buruh-buruh yang telah berkhidmat di dalam negara kita ini, bukan setahun atau 2 tahun tetapi berpuluh tahun yang mempunyai gaji yang cukup murah yang telah mengorbankan tenaganya untuk membina tanahair kita ini.

Di negeri-negeri asing, misalnya di Negeri Jepun, buruh-buruh mempunyai gaji-gaji yang sama dengan penuntut-penuntut lepasan daripada universiti-universiti. Buruh-buruh mempunyai taraf kedudukan iaitu mempunyai rumah-rumah dan flat-flat serupa dengan orang-orang yang lulus daripada universiti, sebab mereka ini juga bukan menggunakan buah fikiran, tetapi menggunakan tenaga mereka untuk membina negerinya. Dengan sebab itu mereka juga berhak bersama-sama untuk mendapatkan pinjaman ataupun mendapatkan rumah-rumah yang didirikan oleh Kerajaan. Sungguhpun di dalam negeri kita ini, gaji buruh-buruh kita antara \$4-\$5 satu hari, terpaksa Kerajaan mendirikan rumah-rumah yang lebih murah lagi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji rendah.

Pada hari ini, yang dikatakan oleh Kerajaan rumah murah yang didirikan oleh P.K.N.S. ataupun yang didirikan oleh Kementerian Perumahan, rumah-rumah yang menelan belanja \$15 ribu, itu yang dikatakan rumah murah. Bagaimana pula buruh-buruh yang bergaji \$150 sebulan yang mempunyai lima-enam orang anak yang perbelanjaan makanan mereka barangkali dalam satu bulan \$140, tinggal baki \$10 untuk kasut anaknya, buku, itu dan ini, bagaimana hendak membayar rumah \$15 ribu yang dikatakan rumah murah ini. Dengan sebab itu, Kerajaan terpaksa apabila mendirikan rumah murah seperti yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun di Dewan Rakyat baru-baru ini, terpaksa Kerajaan mendirikan rumah yang sehabis-habis murah, bukan rumah-rumah yang didirikan seperti yang lalu oleh swasta-swasta dengan sewenang-wenangnya untuk orang kaya belaka.

Saya telah bercakap berkenaan dengan rumah ini beberapa kali menyatakan rumah-rumah yang didirikan oleh swasta-swasta untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji murah bahawa disekeliling Kuala Lumpur ini swasta mendirikan satu-satu flat yang murah \$30 ribu, \$40 ribu 3 atau 4 tahun dahulu pada hari ini pula \$80 ribu sebuah rumah. Kerajaan terpaksa membuat satu dasar iaitu swasta-swasta yang mendirikan rumah-rumah hendaklah mendirikan rumah-rumah murah ini, apabila Kerajaan Negeri meluluskan untuk menukar syarat di

atas tanah-tanah ini dinyatakan di atas kelulusan itu syarat atau syarat-syarat tanah ini untuk perumahan, sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah yang dibina oleh mereka ini mestilah rumah murah semurah-murahnya untuk pegawai-pegawai atau pun orang-orang yang tidak mampu membeli rumah yang berharga tinggi. Tetapi sampai hari ini, Tuan Yang di-Pertua, berapa kali telah dicakapkan dan Yang Amat Berhormat Tun mengatakan pada masa yang akan datang apabila Kerajaan mendirikan rumah-rumah maka kebanyakan rumah-rumah ini mestilah diberi pemikiran kepada rumah-rumah orang miskin. Kepada swasta saya minta kepada Kerajaan samada Kerajaan Federal iaitu tanah-tanah di sekeliling Kuala Lumpur yang dipunyai oleh Federal Territory dan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, sebelum menukar syarat (condition) hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah yang akan dibina itu mestilah rumah-rumah yang setinggi-tingginya berharga \$5,000 sebuah rumah supaya dapat orang miskin mendudukinya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Menteri Dalam Negeri telah menyatakan bahawa kita hendak melawan penganas kominis ataupun ideology communist ini bukannya hendak menganiayakan orang yang lebih kaya dikayakan lagi, tetapi orang yang miskin disenangkan kehidupannya. Tuan Yang di-Pertua tahu iaitu pegawai-pegawai Kerajaan yang pangkat rendah yang tinggal di dalam pekan, orang-orang kampung yang datang ke pekan pada hari ini oleh kerana banyak peluang-peluang bekerja di pekan maka mereka datang ke pekan hendak duduk, itulah sebabnya kebanyakan orang Melayu, bumiputryanya bersetingan di tanah-tanah haram; Kerajaan bertindak; membuka rumah haram, tetapi didirikan esok; buka esok, lusa 100 lagi akan tumbuh. Apa sebabnya? Perkara ini akan berulang dan terus berulang, apabila dibuka dan terus dibuka, rakyat akan marah dan terus marah kepada Kerajaan. Dengan sebab itu, Kerajaan terpaksa mendirikan rumah-rumah murah ini, kalau tidak begitu, apa yang dikatakan oleh Menteri semalam kita tak mengikutnya iaitu perumahan itu kehendak rakyat, sebab peluru tidak boleh membunuh semua kominis ini, 100 dibunuh, 1,000 akan datang; 1,000 dibunuh, 100,000 akan datang. Saya telah menengok apa telah jadi pada Negeri China,

ini bukannya dakyah tetapi saya tengok dengan mata saya sendiri. Orang-orang China di Nanking, orang-orang China di Peking, orang-orang China di Canton, pada masa kumintang dahulu banyak sungguh tidak berumah squatters di sana sini. Dengan sebab itu kuman-kuman ideology communist itu masuk ke dalam otak mereka, mereka berfikir iaitu kominis ini boleh menolong kepada mereka. Yang kita tahu itu adalah dakyah-dakyah mereka.

Sungguhpun begitu, kita telah sedar pada hari ini bahawa Kerajaan kita mesti memberi sedikit sebanyak tempat teduh rakyat yang sesuai seperti seorang manusia yang menjadi warganegara di negeri ini. Kedua, cukup gaji mereka. Ketiga, pelajaran anak-anak mereka. Dengan sebab itu, ini adalah difikirkan berkenaan dengan rumah, saya harap pegawai-pegawai Kerajaan yang lebih rendah gajinya akan diberi peluang untuk mendapatkan rumah-rumah murah dan swasta-swasta yang mendirikan rumah pada masa akan datang mestilah diberi condition yang ketat supaya sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah ini didirikan rumah murah yang semurah-murahnya.

3.47 ptg.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:**

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana Bil ini dibawa ke Dewan ini iaitu menambah kekurangan-kekurangan kepada Undang-undang yang dahulu.

Apabila saya dapati Bil ini dan maksudnya, nyatalah kepada saya bahawa banyak perkara yang tiada menafaat walaupun ditambah di dalam Rang Undang-undang ini. Umpamanya, membayar sebahagian besar rumah dibolehkan mengikut Rang Undang-undang ini dan memberi pinjaman kepada Badan Berkanun, akan tetapi hanyalah Badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan sahaja.

Saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan perumahan ini diberi kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri juga kadang-kadang memberi balik kepada Badan Berkanun yang berjalan di bawah Undang-undang Negeri, tetapi apa salahnya kalau Kerajaan boleh menimbangkan bagi membawa balik ke dalam Dewan ini pada satu masa, bahawa Badan Berkanun yang berjalan di bawah Undang-undang Negeri dibolehkan meminjam terus kepada

Kerajaan Persekutuan dengan tidak payah melalui Kerajaan Negeri, asal sahaja Kerajaan mendapati jaminan bahawa wang yang dipinjam itu boleh didapati balik, kerana banyak proses-proses yang menyebabkan tergendala apabila wang itu dipinjam kadang-kadang kelambatan timbul daripada memproseskannya.

Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini, walaupun ada, apa yang saya kata tadi, tetapi saya yakin dan percaya bahawa Rang Undang-undang ini dikemukakan lebih liberal dan memberi kemudahan kepada peminjam-peminjamnya iaitu kakitangan perkhidmatan awam dan sebagainya.

Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kementerian Perumahan ini hendaklah ditubuhkan cawangannya pada tiap-tiap negeri, bukan sahaja Kementerian ini ada di Kuala Lumpur akan tetapi mestilah ditubuhkan kepada tiap-tiap negeri yang mengawali perumahan-perumahan di negeri masing-masing. Sebagaimana kita tahu bahawa meminjam wang kerana membeli rumah swasta adalah mengikut peruntukan yang ada dan kadangkala swasta itu sendiri meletakkan harga rumah yang agak tinggi. Semalam kita boleh baca dalam suratkhbar bahawa keterangan (statement) daripada seorang Menteri Besar menuduh bahawa ada swasta perumahan mengenakan harga rumah yang paling tinggi sedangkan bahan-bahan itu tidaklah setinggi mana diletakkan pada harganya. Jadi, ini perkara yang patut dikawali, diperhatikan oleh Kerajaan sendiri dan kalau ada pejabat ini cawangan-cawangannya pada tiap-tiap negeri, maka ia boleh menolong ibu pejabat di Kuala Lumpur mengatasi masalah ini.

Kita tidak tahu pada masa ini samada bahan-bahan yang dikatakan besi ataupun simen sudah turun atau belum turun tetapi harga rumah masih naik. Jadi dengan adanya cawangan ini dalam tiap-tiap negeri, maka cawangan itu bolehlah menolong menyasat, mengkaji dan meneliti dalam masalah ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak bercakap sedikit sahaja lagi dalam masalah Bil ini iaitu tentang pinjaman yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan walaupun luas boleh mendirikan rumah sendiri dan sebagainya,

tetapi ada baiknya kalau Kerajaan sendiri menguntukkan satu kawasan dalam sesebuah negeri yang luas tanahnya yakni kawasan Kerajaan yang ada tiap-tiap daerah yang difikirkan patut. Kalau sekiranya kita membeli rumah swasta walaupun pada hakikatnya kita dapat bergaul (muhibbah) di antara yang bukan Melayu dengan Melayu tetapi kadangkala ada kesulitan terutama beramal kepada Allah. Umpamanya, satu kawasan di Batu 5, Jalan Ulu Kelang, kebanyakan yang memiliki rumah itu orang yang bukan Melayu dan bukan pula beragama Islam. Jadi ada orang-orang Islam di situ sulit sedikit untuk beribadat; bila kematian yang agak boleh dipertumpangkan kerana rakan-rakan sebelah jiran itu walaupun jiran yang dekat, tetapi oleh sebab pergaulan hari-hari yang tidak begitu mesra, jadi apabila berlaku kemalangan seumpama itu tinggallah dia itu ke seorangan sahaja. Apa yang saya maksudkan jika sekiranya Kerajaan dapat mengawal di dalam kawasan itu mesti diadakan sekurang-kurangnya satu kelompok, satu kaum yang boleh menyenangkan mereka beribadat di tempat itu. Jadi, kalau dapat Kerajaan mengawali bagi maksud itu, saya rasa bukan sahaja dapat memenuhi kemudahan-kemudahan, tetapi juga dapat melaksanakan dasar yang dikehendaki iaitu 30% diberi kepada bumiputra, kakitangan Kerajaan dan sebagainya. Saya harap pandangan saya yang cetek ini akan dapat sekurang-kurangnya menjernihkan sedikit air yang keroh dalam kekurangan rumah yang kita rasa sangat besar dalam negara kita ini.

Saya tidak hendak bercakap masalah rumah setingan tetapi saya bersempatilah bahawa beberapa orang Yang Berhormat bercakap tadi kerana kekurangan rumah, maka orang membuat setingan itu bukan sahaja orang yang tidak bekerja dengan Kerajaan, setengah-setengahnya orang bekerja dengan Kerajaan. Jadi, apa jualah kiranya kalau ada peruntukan itu boleh meliputi kelas bawahan dan inilah harapan saya supaya perkara ini dapat ditimbang oleh Kerajaan.

3.55 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Akta bagi meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini. Kepada badan-badan berkanun dan Kerajaan Negeri

hendaklah ditentukan peraturan, supaya pinjaman itu tidaklah sepenuhnya digunakan untuk mereka sahaja, tetapi kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah dan kurang mampu hendaklah juga diberi kemudahan, walaupun keuntungan atau pulangan modal diperlukan.

Saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga janganlah diabaikan supaya kita jangan berulang kali membuat rancangan demi rancangan, tetapi hasrat atau tujuan pinjaman perumahan ini tidak memberi makna yang betul-betul pengertian. Kepada Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Negeri dalam pembinaan rumah ini janganlah membina rumah yang terlalu tinggi harganya, yang penting difikirkan ialah agar sekurang-kurangnya pekerja itu mempunyai rumah sendiri dengan tidak berhutang yang berpanjangan dan berterusan. Yang perlu ialah pekerja atau rakyat semua mempunyai rumah yang selesa dan tidak diberi bebanan dengan hutang-hutang yang berpanjangan.

3.58 ptg.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan saya rasa bolehlah dikatakan sampai masanya bagi Kerajaan menitikberatkan kepada kakitangannya mendapat milik kepada tempat-tempat perumahan dan juga tanah. Saya berharap bahawa dalam pelaksanaan undang-undang ini ataupun sekim pinjaman ini kelak, ada beberapa perkara utama supaya dapat ditimbang oleh Kerajaan.

Pertamanya dalam masa-masa yang lepas ini kita dapati dalam mana-mana sekim atau rancangan pinjaman samada pinjaman perumahan ataupun pinjaman yang lain-lain didapati lebih besar jumlah gaji yang diterima oleh kakitangan itu maka lebih besarlah pula proportion ataupun jumlah pinjaman yang boleh diperolehi oleh kakitangan tersebut. Dan bolehlah dikatakan dari satu segi ini memanglah ada alasannya kerana dia bergaji besar maka jumlah pinjamannya patut diberi besar, tetapi kalau dianalisa lebih mendalam, ini menunjukkan bahawa pinjaman-pinjaman seperti itu tidak dapat dinikmati dengan meluas oleh bilangan yang besar mereka yang bekerja atau kakitangan Kerajaan. Kita dapati juga dalam

zaman inflasi seperti ini di mana harga bahan-bahan perumahan atau bahan-bahan binaan adalah serba tinggi, maka mereka yang berpendapatan tinggi memang masih lagi dengan mendapat nikmat rumah sendiri misalnya, kerana selain daripada jumlah loan atau pinjaman yang besar yang diterima, mereka juga boleh menokok tambah jika tidak cukup dengan meminjam daripada bank-bank perdagangan, kerana orang yang bergaji besar ini memang boleh dapat sumber kewangan seperti ini, tetapi sebaliknya mereka yang berpendapatan kecil tidak dapat kemudahan pinjaman dari bank-bank perdagangan. Jadi telah terdapat di masa-masa yang lepas di mana kakitangan yang berpendapatan kecil ini masih tidak dapat memiliki rumah sungguhpun loan atau pinjaman memang boleh diperolehi oleh mereka kerana terlalu kecil pinjamannya. Dengan itu, saya berharap supaya dengan pelaksanaan sekim ini Kerajaan menentukan ataupun mengadakan satu sistem di mana ratio ataupun nisbah antara gaji dan pinjaman yang boleh diterima itu diubah iaitu supaya ada satu minima jumlah yang boleh diberikan kepada kakitangan di mana jumlah minima ini jumlah yang munasabah bukan \$5,000 atau \$6,000 kerana sekarang ini tidak ada rumah yang boleh didirikan dengan jumlah sekecil itu. Jadi ratio itu diperbetulkan dengan satu minima yang menasabah dan juga sistem itu mesti berbentuk regresif. Pendeknya orang-orang yang berpendapatan lebih rendah rasionya lebih besar di antara pinjaman dan gaji daripada orang yang berpendapatan besar. Jadi kita mestilah ada satu sistem atau formula yang mana menentukan orang berpendapatan tinggi hanya boleh meminjam bahagian yang lebih kecil dari apa yang patut mereka dapati dari masa yang lepas. Tetapi orang-orang yang di peringkat bawah boleh mendapat proportion yang lebih besar daripada apa yang selama ini dapat dinikmati oleh mereka. Saya rasa itulah satu cara di mana kita akan mendapat keadilan ataupun dapat dijalankan dengan keadilan. Jikalau tidak, timbullah cerita dari masa ke semasa di mana orang yang telah ada rumah mendapat lagi dua tiga buah rumah seperti orang yang bergaji besar rumahnya semakin besar.

Kedua, dalam pelaksanaan undang-undang ini juga, saya berharap Kerajaan akan menentukan sistem priority atau sistem keutamaan dalam memberi pinjaman. Iaitu

pertama, Kerajaan menentukan supaya mereka yang bekerja di dalam pekerjaan yang strategic ataupun strategic personnel ditentukan mereka mendapat loan dahulu. Apa yang saya maksudkan di sini seperti orang yang betul-betul bekerja di dalam jabatan-jabatan pos dan pertahanan misalnya ataupun lain-lain lapangan-lapangan strategik dan dianggap Kerajaan ada classification tentang kakitangan-kakitangan strategiknya. Orang ini perlu ditentukan perumahannya oleh kerana kita tahu jika rasa tidak puas hati timbul di kalangan pekerjaan strategic, maka banyaklah perkara yang tidak diinginkan akan timbul kerana rasa tidak puas hati ini. Dan juga dalam menentukan sistem priority ini perlulah Kerajaan mengelak berlakunya di mana kakitangan Kerajaan yang berpendapatan lumayan dan tinggi berulang kali mendapatkan loan, oleh kerana dalam masa lepas dalam sistem yang lain telah mendapat loan dan sekarang dalam sistem baharu boleh ditokok tambah jumlah loannya. Boleh ditambah \$50 ribu lagi kepada \$80 ribu yang telah dapat pada masa lepas ataupun mendapatkan satu lagi loan untuk perumahan. Ini patut diawasi oleh Kerajaan kerana kita tengok jumlah pinjaman rumah yang hendak diperuntukkan itu tidaklah sebegitu besar kalau dibandingkan dengan jumlah bilangan kakitangan yang ada.

#### 4.03 ptg.

**Tuan Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini menyokong Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini kerana dalam hidup kita ini ada tiga perkara yang amat mustahak pada manusia iaitu makanan, perlindungan dan kesukaan. Rumah ini termasuk kepada kedua yang wajib iaitu perlindungan. Oleh sebab itulah tadi saya katakan saya menyokong dengan penuh akan Rang Undang-undang ini.

Saya sangat menyokong syor yang dibawa oleh Senator Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin iaitu kalau mengikut daripada Rang Undang-undang ini nampaknya bantuan pinjaman kepada rakyat jelata tidaklah dapat dibuat. Oleh sebab itu hendaklah Kerajaan memikirkan semula supaya Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini biarlah menyeluruh kepada rakyat supaya semua rakyat boleh mendapat rumah yang sesuai dan berpatutan dengan mereka. Saya

sangat menyokong juga pendapat Yang Berhormat Puan Rafidah Aziz tadi iaitu mesti diadakan satu ratio supaya jangan orang banyak duit kita tolong, manakala orang yang kurang duit, kita tidak tolong. Jadi tidak berapa adil. Seperti menimbus busut yang sudah tinggi, tetapi tanah luruh kita gali lagi. Jadi tidak dapat hendak sama rata. Tetapi apa kata kalau busut di atas gunung, lebih tinggi lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai cadangan yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini semalam, saya fikir tidak payah kita Ahli-ahli Dewan Negara ini hendakkan pinjaman ini, sebab kita duduk di sini tidak lama, ada yang tiga tahun, ada yang lima tahun. Tetapi kalau Kerajaan menyokong untuk memberi bantuan pinjaman kepada rakyat, bila kita lepas daripada Dewan Negara ini esok, kita menjadi rakyat balik, dapatlah kita meminjam. Jadi tidak usahlah disusahkan perkara itu.

Selain daripada itu saya fikir ada kaitannya di atas cukai yang dikenakan oleh Kerajaan mengenai perumahan ini. Jikalau sekiranya di dalam hal membuat rumah ini ada cukai-cukai yang terlampau mahal seperti hendak mengubah syarat tanah dan sebagainya dinaikkan cukai maka di sinilah pemaju perumahan akan mengambil peluang. Bila hendak buat rumah cukai dinaikkan mahal. Pada fikiran saya kalau dengan cara hendak mengenakan cukai bagi menghapuskan masalah, itu tidak boleh jadi. Mahal cukai, orang tengah menaikkan harga, rakyat juga yang menanggung, orang ramai juga yang menanggung. Jadi masalah cukai perumahan ini pada fikiran saya samada perkakas-perkakas dan sebagainya itu patutlah ditinjau kembali supaya harganya berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak juga berapa patut saya cakapkan di sini tetapi oleh sebab ada kaitannya apabila disebut berkenaan dengan pinjaman perumahan berkaitan dengan pendiri rumah. Jadi kadang-kadang pendiri rumah ini dia hendak mendapat untung yang lebih, menanggung di air yang keruh, dan memasang lukah di tempat genting kata orang Melayu. Jadi dia ingat oleh kerana ramai orang hendakkan rumah maka harganya dinaikkan. Kalau rumah itu patut dijual dengan harga \$5 ribu maka dijualnya \$7 ribu. Sebab orang kita

lekas hendak kaya. Kadang-kadang setengah daripada orang sekarang sudah lebih materialistik, dia memandang kepada ringgit. Sebab kalau ada ringgit kononnya semua boleh kuit: kalau tidak ada duit, cuma diam sahaja. Oleh sebab itu, saya fikir patutlah Kerajaan mengambil perhatian yang berat di atas hal perumahan ini. Kalau ada cukai yang lebih, kurangkan sedikit; kalau ada pihak swasta yang cuba hendak menanggung di air yang keruh kita pegang-pegangkan sedikit bahunya kerana kita ada cukup tenaga untuk memerhatikan hal ini. Kita ada Jurutera, Jurukur Bahan, pakar itu dan pakar ini kita gunakan orang-orang ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya sesungguhnya menyokong akan Rang Undang-undang ini, dan patutlah difikirkan perumahan rakyat yang miskin terutama di kampung-kampung yang jauh dari bandar.

4.07 ptg.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan di dalam masa saya menyokong ini, saya berasa ragu-ragu sedikit tentang Fasal 2 "(c)—memberi pinjaman kepada Kerajaan sesuatu negeri bagi maksud Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi Negeri itu."

Kalau dibaca di atas seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya, tidak ada pun berkait dengan orang yang tidak menjadi Pegawai Kerajaan yang mendapat faedah daripadanya. Sekurang-kurang yang mendapat faedah ialah kakitangan-kakitangan Badan-badan yang berkanun. Tetapi Fasal 2 (c) ini, saya kurang jelas. Apakah maksudnya Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi negeri itu? Kalau sekiranya di dalam sesebuah negeri dia ada mempunyai satu Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi negeri itu yang khusus bagi Pegawai-pegawai Kerajaan-kerajaan Negeri maka akan terlepaslah juga rakyat daripada Akta ini, daripada faedah Rang Undang-undang ini. Kalau sekiranya maksud Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi negeri itu diuntukkan kepada Perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan mendirikan rumah-rumah murah bagi rakyat termasuk pegawai-pegawai Kerajaan, maka rasa saya faedah Rang Undang-undang ini akan dapat dirasakan juga oleh rakyat. Tetapi

saya tidak tahu maksudnya yang sebenar, tentulah Yang Berhormat Menteri akan menerangkan maksudnya. Kalau sekiranya dimaksudkan daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi negeri itu termasuk di dalam satu Badan Kemajuan Negeri yang membuat rumah-rumah murah yang sekarang ini Perbadanan-perbadanan ini banyak di tiap-tiap negeri dan tiap-tiap Perbadanan itu ada badan-badan yang khusus ataupun ditugaskan untuk mendirikan rumah-rumah dan kalau wang mereka itu tidak cukup bolehlah dia meminjam. Kalau Kerajaan Pusat boleh memberi pinjaman kepada Kumpulanwang Pinjaman negeri itu yang tujuannya untuk memberi kemudahan perumahan kepada rakyat, maka rasa saya akan lebih banyak faedah Rang Undang-undang ini kepada rakyat. Kalau sekiranya tujuannya tidak termasuk ke situ hanya untuk faedah pegawai-pegawai Kerajaan sahaja, maka saya menarik perhatian Kementerian ini supaya dikenakan syarat-syarat kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan kepada negeri itu supaya boleh mereka itu mendapatkan pinjaman ini bukan sahaja diuntukkan rumah ini kepada pegawai-pegawai mereka tetapi juga kepada orang ramai, kepada rakyat.

Misalnya, di dalam satu bandar seperti bandar Ipoh ada satu kawasan tanah yang telah diuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk membuat rumah dan rumah yang hendak dibuat itu diuntukkan kepada rakyat termasuklah juga pegawai Kerajaan Negeri itu, kalau badan itu tidak mempunyai wang maka bolehlah dia meminjam di bawah Akta ini kepada Kerajaan Pusat, rasa saya ini akan lebih banyak mendatangkan faedah. Begitulah juga bagi negeri-negeri yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, ada negeri-negeri yang banyak tanah-tanah kosong dan kalau Kerajaan Negeri itu menguntukkan kawasan tanah untuk perumahan murah kepada rakyat, maka akan dapat juga mengurangkan kerumitan ataupun kesusahan rakyat yang tidak berumah.

Semalam Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada menyebutkan kominis akan dapat menyusup ke dalam masyarakat kita ini kalau sekiranya kita kurang makan, kurang pakai dan kurang rumah dan bermacam-macam lagi. Tetapi satu daripada masaalah yang besar yang dihadapi oleh rakyat sekarang ini ialah

kekurangan rumah dan mereka tidak dapat mendirikan rumah sendiri oleh kerana beberapa sebab terutama sekali tentang ekonomi mereka yang tidak mengizinkan mereka mendirikan rumah.

Yang keduanya, kerana tempat yang hendak mereka dirikan rumah itu tidak ada. Dengan sebab itu, Kerajaan patut memandangkan perkara ini lebih serious lagi. Kalau pegawai-pegawai Kerajaan yang berpangkat tinggi dan setengah-setengahnya pula berpangkat rendah mendapat rumah dengan adanya kemudahan seperti ini, jumlah mereka ini tidak sebegitu banyak kalau dibandingkan dengan rakyat yang tidak langsung mempunyai rumah dan ini menyebabkan kekacauan sesebuah negara boleh berlaku kalau rakyat yang menderita itu semua sekali memberontak. Inilah yang kita takut dan kalau sekiranya benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semalam bahawa perkara yang penting sekali selain daripada beberapa hal yang lain ialah masalah perumahan, maka saya rasa Kementerian ini patut memandangkan berat kepada syarat-syarat yang hendak diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk perumahan dan disyaratkan kepada pinjaman perumahan ini hendaklah juga diuntukkan kepada rakyat yang tidak mempunyai rumah.

Sebelum Pilihanraya 1969, kalau tidak salah saya ada satu crash programme yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan waktu itu Menterinya ialah mendiang Tan Sri Khaw Kai-Boh juga telah menguntukkan wang berjuta-juta ringgit untuk membuat rumah-rumah murah di seluruh tanahair kita ini, dan sekarang rumah murah itu telah dinikmati oleh rakyat walaupun tidak begitu sempurna, tetapi cukuplah dapat disempurnakan oleh mereka sendiri dan bayarannya pada tiap-tiap bulan hanya \$29 sahaja dan tanah perumahan itu sendiri dikawal oleh Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negerilah yang sekarang ini mengutip semua sekali bayaran-bayaran rumah murah yang telah dibuat di seluruh negara kita ini.

Saya suka menarik perhatian Kementerian ini kalau rancangan ini dapat diteruskan di seluruh negara kita dan mendapat faedah yang lebih banyak kepada rakyat, saya rasa akan dapat menolong kekurangan-kekurangan rumah yang diperlukan oleh rakyat.

4.15 ptg.

**Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat):**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini. Walaupun sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara perumahan pada keseluruhannya yang di luar daripada Akta yang kita bincangkan tetapi namun demikian segala masalah perumahan yang telah dikemukakan itu akan saya sampaikan kepada Kementerian yang berkenaan untuk diambil tindakan yang selanjutnya.

Saya akan mengambil peluang ini untuk menerangkan beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan secara langsung berhubung dengan Akta ini.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan supaya Rancangan Pinjaman Perumahan ini diberi juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Rancangan Pinjaman Perumahan ini dimulakan bagi pegawai-pegawai Kerajaan berdasarkan kepada perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian dan kemudiannya disusuli pula dengan Suruhanjaya Gaji Aziz bagi Perkhidmatan Pelajaran. Tetapi sekarang kemudahan ini telah pun diberi kepada mereka yang ada memegang jawatan di pejabat dan ketetapan ini dibuat ialah untuk menjamin bahawa pembayaran balik wang pinjaman ini menerusi potongan gaji bulanan yang akan dapat dijamin pada setiap masa. Menurut aturan ini pinjaman wang perumahan hendaklah dibayar balik dengan penuh di dalam tempoh tidak melebihi daripada 15 tahun, tetapi bagi mereka yang bergaji kurang daripada \$250 maka tempoh itu dilanjutkan kepada masa yang tidak lebih daripada 20 tahun. Dari segi pinjaman ini ianya bukan sahaja diberi kepada mereka yang bergaji besar, tetapi juga mereka yang bergaji kecil yang kurang daripada \$250 sebulan. Pokoknya sesiapa sahaja yang telah ditakrifkan sebagai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berpangkat tinggi atau rendah pangkatnya boleh mendapat kemudahan daripada pinjaman perumahan yang diadakan. Pembayaran daripada pinjaman ini hendaklah diselesaikan oleh para peminjam sebelum

mereka itu mencapai umur persaraan atau tarikh ia bersara atau berhenti bekerja dengan Kerajaan. Mereka yang tidak dapat menyelesaikan pinjaman ini di dalam masa perkhidmatan mereka boleh juga dibenarkan melanjutkan bayaran ini dalam masa bersara iaitu melalui potongan pencen bulanan selama lima tahun dengan syarat semua bayaran balik hendaklah dijelaskan sebelum seseorang itu meningkat umur 60 tahun dan tertakluk kepada syarat tempoh bagi mereka yang bergaji kurang daripada \$250 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kemudahan pinjaman ini hendak kita lanjutkan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, maka ketetapan-ketetapan yang saya sebutkan tadi perlu kita ambil perhatian, kerana masalah yang besar ialah masalah pulangan pinjaman itu sendiri. Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tidak mempunyai jawatan yang tetap dan bergaji, maka adalah dirasakan sukar bagi Kerajaan untuk menimbang dan meluaskan kemudahan pinjaman perumahan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi namun demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri telahpun mendapat kemudahan-kemudahan lain dan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan itu pada hari ini didapati mencukupi bagi membolehkan setiap orang Ahli Yang Berhormat menjalankan tugas dengan sempurna bagi kepentingan negara dan rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh masalah samada peruntukan yang telah diberi untuk Sekim Pinjaman Perumahan ini mencukupi atau tidak menimbang bahawa rumah-rumah yang dapat diberi peluang ini telah ditambahkan dari semasa ke semasa. Saya suka menjelaskan di sini bahawa Sekim Pinjaman Perumahan ini telah kita mulakan pada tahun 1971 dan pada tahun ini sebanyak \$17 juta telah diluluskan kepada pemohon-pemohon, kemudian pada tahun 1972 jumlah itu telah meningkat kepada \$52 juta. Pada tahun 1973 kelulusan pinjaman telah meningkat pula kepada \$71 juta dan pada tahun 1974 ianya meningkat kepada \$33 juta. Pada tahun lalu sahaja setakat bulan November jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan ialah sebanyak \$100 juta dan pada tahun ini sebanyak \$55 juta telahpun diperuntukkan dalam Belanjawan bagi keperluan Sekim Pinjaman Perumahan. Jadi kalau kita lihat daripada mulanya Ran-

cangan Pinjaman Perumahan ini diadakan sehingga pada bulan November tahun lalu sebanyak \$318 juta telahpun dikeluarkan bagi membantu pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan mendapatkan kemudahan Pinjaman Perumahan. Jadi segala peruntukan yang ada untuk Sekim ini akan ditambah dari setahun ke setahun menimbangkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan dan juga keperluan yang meningkat daripada pemohon-pemohon daripada semasa ke semasa. Tujuannya ialah bagi menjamin setiap pegawai dan kakitangan yang berhak mendapat pinjaman di bawah Sekim ini akan terus dapat memperolehi pinjaman bagi melaksanakan hasrat Kerajaan hendak membantu pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan tujuan ini ada 5 jenis pinjaman perumahan yang diadakan iaitu:

- (i) pinjaman untuk membeli tanah dan rumah yang siap terbina;
- (ii) pinjaman untuk membina rumah di atas tanah sendiri;
- (iii) pinjaman untuk beli tanah dan terus membina rumah (selalunya rumah yang dibeli daripada pemaju-pemaju);
- (iv) pinjaman untuk membeli tanah sahaja dengan tujuan membina rumah di atasnya kemudian kelak;
- (v) pinjaman untuk menyelesaikan baki pinjaman yang diperoleh dari bank-bank atau Perbadanan Kewangan yang diakui oleh Kerajaan iaitu pinjaman yang diperolehi untuk membeli rumah.

Walaupun rancangan ini telah dapat mengatasi kesulitan perumahan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, namun saya akui akan kemusykilan setengah-setengah pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk memperoleh tapak-tapak rumah yang sesuai untuk membina rumah sendiri melalui rancangan pinjaman perumahan ini. Ada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan semalam bahawa sepatutnya Kerajaan juga selain daripada memberi pinjaman perumahan ini perlu juga mengadakan kemudahan tapak yang tertentu kepada pegawai-pegawai untuk membina rumahnya. Untuk mengatasi masalah ini dan kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Kerajaan itu sendiri, maka pihak Kerajaan telahpun menubuhkan Syarikat Perumahan

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang giat menyediakan bukan sahaja tapak-tapak perumahan tetapi juga membina rumah-rumah yang kemudiannya dijual kepada pegawai-pegawai Kerajaan melalui Sekim Pinjaman Perumahan. Syarikat ini sedang menjalankan rancangan perumahan di Jalan Tebrau, Johor Bahru; di Paroi, Seremban; di Ladang Seaport, di Damansara Heights, di Ladang Wardeiburn di Selangor; dan Wilayah Persekutuan; di Ipoh, Tanjong Rambutan dan Taiping di Perak; dan di Sungai Dua, Pulau Pinang. Menurut matlamat Syarikat ini di dalam rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi dijangka 14,000 unit rumah berbagai jenis dan bagi kepentingan berbagai peringkat pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan akan dapat dibina menjelang tahun 1980. Akan tetapi, Syarikat ini sudah tentu tidak akan dapat menjalankan rancangannya dengan lebih berkesan dan luas lagi jika sekiranya pihak-pihak Kerajaan Negeri tidak dapat memberi kemudahan tanah-tanah yang mana boleh dijalankan rancangan perumahan ini. Jadi, saya tertarik hati kepada cadangan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat supaya tanah-tanah di negeri-negeri yang banyak terdapat itu dapat diperolehi untuk menjalankan rancangan perumahan dan sebenarnya syarikat ini sedangpun menjalankan rundingan dengan beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri terutama negeri-negeri yang belum lagi dapat menerima kemudahan rancangan perumahan daripada Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan. Perundingan-perundingan sedang dijalankan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Pahang, Trengganu, Perlis dan Kedah bagi mendapatkan tanah untuk tapak-tapak perumahan yang dapat dikelolakan oleh syarikat ini. Jika sekiranya perundingan ini berjaya saya percaya akan lebih banyak lagi rumah-rumah yang akan dapat didirikan di seluruh negara dan di dalam rancangan perumahan yang dianjurkan oleh syarikat perumahan ini, maka masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pahang bahawa kemudahan-kemudahan tertentu hendaklah diadakan bagi membolehkan kaum-kaum yang tertentu menjalankan kegiatan-kegiatannya yang sesuai dengan agama atau kebudayaannya ada dimasukkan di dalam Rancangan Syarikat Perumahan yang dijalankan oleh Syarikat ini.

Berkenaan dengan masalah kadar yang ditetapkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan mengikut tingkatannya tidak mencukupi bagi membolehkan mereka membeli rumah yang sesuai atau membeli rumah dengan wang daripada sekim ini dan juga masalah mewujudkan satu nisbah bagi menentukan bahawa yang berpangkat tinggi itu jangan terlalu banyak mendapat kemudahannya tetapi boleh diberi pertimbangan kepada golongan yang lebih rendah lagi. Sekim ini diwujudkan ialah pertamanya seperti saya katakan tadi untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan ini biar apa peringkatnya terutama peringkat yang rendah sekalipun akan mendapat kemudahan bagi memiliki rumah sendiri. Tetapi yang lebih penting ialah cara mana nanti, katakanlah nisbah ini diubah, yang berpangkat rendah itu diberi kemudahan yang lebih. Masalah yang timbul ialah masalah sejauh mana kemampuan daripada peminjam-peminjam itu untuk mengembalikannya dan kita tahu banyak rancangan pinjaman yang dijalankan oleh Kerajaan sendiri kadang-kala meminjam itu memang sedap, tetapi hendak mengembalikannya sakit, sehingga terpaksa hendak dihukum baru mendapat balik pinjaman itu. Jadi masalah ini ada hubungannya dengan human factor. Di sini saya fikir perlu diberi perhatian juga. Tetapi setidak-tidaknya bagi mereka yang merasa bahawa kemudahan yang telah diberikan kepada mereka itu tidak mencukupi bagi mereka membeli rumah yang sesuai, maka pihak Bahagian Pinjaman Perumahan tidak akan menghalang mereka ini daripada mendapat pinjaman-pinjaman yang lebih daripada bank-bank sebagai cagaran yang kedua. Kita menyediakan kemudahan ini juga, siapa yang hendak mendapat wang yang lebih dan dapat menanggung segala kelebihan yang ada padanya itu, mereka boleh.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan. Yang Berhormat Menteri mengatakan boleh minta kepada bank sebagai cagaran yang kedua. Adakah maksudnya yang pinjaman-pinjaman yang pertama charge kepada Kerajaan kemudian charge itu boleh juga dicharge kepada bank sekali lagi. Adakah begitu?

**Datuk Mohamad bin Rahmat:** Begitulah caranya. Charge yang pertama kepada Kerajaan kemudian pihak Bahagian Perumahan tidak akan menghalang daripada diadakan charge kedua kepada bank untuk

mendapat pinjaman yang lebih bagi mendirikan rumah yang lebih selesa dan lebih besar untuk memenuhi kehendak sendiri. Untuk cagaran yang kedua ini bukan sahaja kita bolehkan bagi seluruh peringkat, tetapi masalahnya seperti yang saya katakan tadi walaupun hendak diadakan kemudahan yang lebih kepada tiap-tiap golongan yang berhak mendapat pinjaman ini kita mesti timbangkan dari segi pulangan pinjaman yang dapat dimampu oleh para peminjam. Namun demikian, masalah ini dan segala cadangan yang telahpun dikemukakan ini akan dikaji oleh Bahagian Perumahan dan saya harap Kerajaan akan dapat meneliti dan dapat melaksanakan di mana yang difikirkan patut untuk memperbaiki lagi sekim pinjaman yang ada ini.

Mengenai masalah pinjaman yang berulang, saya fikir perkara ini tidak akan berlaku kerana pinjaman ini akan diberi sekali sahaja kepada seseorang pegawai Kerajaan. Tetapi jika berlaku dan ada kenyataan yang menunjukkan bahawa pinjaman ini telah disalahgunakan, saya harap perkara ini dapat diberitahu supaya dapat membetulkannya.

Berhubung dengan masalah keperluan perumahan bagi rakyat di seluruh negara seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin supaya mengadakan satu dasar yang luas untuk membolehkan rakyat memiliki rumah, saya saya memaklumkan bahawa pada tahun 1970 suatu census atau banci perumahan Semenanjung Malaysia telahpun dijalankan oleh Jabatan Perangkaan dan laporan mengenai banci itu telahpun dikemukakan pada tahun 1973 dan berasaskan kepada laporan itu berbagai langkah telahpun diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dari segi hendak mengatasi kesulitan perumahan yang dihadapi oleh seluruh rakyat. Saya percaya dalam kita mengkaji pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan dari segi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu sendiri tindakan-tindakan yang lebih berkesan akan dapat diadakan di dalam rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah mewujudkan cawangan-cawangan daripada bahagian di negeri-negeri, perkara ini sebenarnya sedang ditimbang oleh Baha-

gian Perumahan menimbang bahawa kerja daripada Bahagian ini telahpun meningkat dan ianya bertujuan juga untuk mengatasi masalah kelambatan yang mungkin timbul di dalam memproses pinjaman seperti mana yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun demikian, saya suka sebutkan di sini bahawa bagi sesuatu pinjaman itu kalau segala butir-butir dan keterangan-keterangan yang diperlukan oleh Bahagian Pinjaman ini dapat disediakan dengan selengkap-lengkap-punya, maka kelulusan itu akan dapat diperolehi dalam masa satu bulan sahaja. Ini memang telahpun dijalankan. Tetapi kadangkala butir-butir yang diminta itu tidak diberi dengan sejelas-jelasnya, oleh itu Bahagian Perumahan terpaksa mengadakan pertanyaan yang lebih lanjut dan ini sudah tentu memakan masa dan memang menjadi tanggungjawab daripada Bahagian ini untuk mempercepatkan bagi memproses segala permohonan dan kelulusan kepada mana-mana pinjaman yang dikemukakan oleh pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk membawa langsung kepada Kerajaan Pusat, kita telahpun mengadakan satu peraturan yang tersendiri dari segi pinjaman yang dapat diminta atau diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan mengikut peraturan itu mana Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri hendaklah menggunakan saluran segi mana yang telahpun ditetapkan itu.

Mengenai masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Haji Othman bin Abdullah bahawa peruntukan di dalam seksyen-kecil (c) itu ialah peruntukan bagi pinjaman yang dikeluarkan untuk pegawai-pegawai Kerajaan Negeri ataupun pegawai dan kakitangan di dalam penguasa tempatan. Peruntukan yang ada ini ialah bagi kepentingan mereka yang layak atau berhak untuk mendapat pinjaman perumahan itu. Masalah mengenai kemudahan rakyat yang lain di negeri-negeri itu adalah tanggungjawab Kerajaan pada keseluruhannya, dan saya fikir hendak mengadakan rancangan perumahan murah pada keseluruhan rakyat itu ada dalam tindakan Kementerian berkenaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pegawai dan kakitangan Parlimen ini, oleh kerana mereka ini ditakrifkan sebagai kakitangan Kerajaan, maka mereka dibolehkan mendapat kemudahan pinjaman ini malahan banyak daripada mereka ini telahpun mendapat kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya sebutkan dan jika ada perkara yang dibangkitkan tadi belum lagi mendapat jawapan, saya akan mengambil perhatian mengenai perkara itu dan saya akan kemukakan kepada Kementerian dan Bahagian yang berkenaan supaya segala pandangan itu akan dapat diteliti dan kalau difikirkan perlu akan dilaksanakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3—*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Pengerusi, saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Fasal 2 iaitu berkenaan dengan Seksyen 5 baru yang sebentar tadi Timbalan Menteri berkenaan ada menyatakan bahawa Perkhidmatan Parlimen termasuk di bawah takrif Public Service; tetapi Tuan Yang di-Pertua, jika saya baca betul-betul seksyen ini rasa saya seksyen ini telah jelas iaitu Seksyen 5 (a) menyatakan:

5. Wang Kumpulanwang hendaklah digunakan dan adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud (a) memberi pinjaman dan bantuan faedah atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang yang ianya adalah— (ini yang disebutkan tadi iaitu Perkhidmatan Awam)

